



National Design Challenge 2013

14 March 2013

Matrade Hall, Matrade Exhibition Centre

Bagi mengiktiraf bakat-bakat muda tempatan dalam menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif, Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini telah menganjurkan Majlis Penyampaian hadiah Pertandingan Rekabentuk Malaysia 2012 dan Pelancaran National Design Challenge 2013.

Selain Pertandingan Rekabentuk Malaysia, MRM melancarkan National Design Challenge 2013 yang dibuka penyertaannya hanya kepada pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta tempatan. Menerusi program ini, peserta dicabar untuk mencadang dan menterjemahkan idea rekabentuk yang menjurus kepada penyelesaian masalah. Untuk memastikan idea yang dicadangkan benar-benar praktikal dan menepati keperluan masyarakat, para peserta dikehendaki mengadakan kerjasama dengan mana-mana Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mereka kenalpasti.

